

03 DEC 1997

Mahathir-Kediaman

DR MAHATHIR AKAN TELITI KES KEDIAMAN MENTERI BESAR SELANGOR

LANGKAWI, 3 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pastinya ada sebab bagi sejumlah RM5 juta dibelanjakan dalam kerja-kerja pengubahsuaian kediaman rasmi Menteri Besar Selangor di Shah Alam.

Perdana Menteri berkata beliau akan meneliti perkara itu tentang apa yang membuatkan kosnya begitu tinggi.

Katanya Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar telahpun menjelaskan kepadanya mengenai keperluan kerja-kerja pengubahsuaian dibuat sebelum Menteri Besar itu berlepas untuk lawatan ke luar negara.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita yang bertanya mengenai laporan muka depan Utusan Malaysia hari ini menyebut kerajaan Selangor membelanjakan RM5 juta untuk mengubahsuaikan kediaman Menteri Besar di Bukit Megawati, Shah Alam.

Laporan itu memetik anggota Exco Kanan kerajaan negeri Datuk Zainal Dahlan yang memberitahu persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor bahawa pengubahsuaian itu menggunakan peruntukan di bawah Jabatan Menteri Besar Selangor dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Menurut Zainal ia dibuat selepas mendapat cadangan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan diluluskan dalam mesyuarat Exco Kerajaan.

Perdana Menteri membuat pemeriksaan kapal-kapal tentera dan komersil yang mengambil bahagian dalam segmen maritim Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA `97) di Tanjung Malai di sini.

Dr Mahathir berkata Abu Hassan memberitahu beliau bahawa "keseluruhannya (kediaman Menteri Besar) dalam keadaan tunggang-langgang."

"Beliau tinggal di Kuala Lumpur dan akan berpindah masuk (ke kediaman Menteri Besar).

"Keputusan ini dibuat sebelum semua masalah ini berlaku (masalah ekonomi sekarang)," kata Perdana Menteri.

Ditanya sama ada jumlah itu begitu besar, Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat menyatakan sama ada ia merupakan sejumlah wang yang besar atau tidak.

"Kita orang miskin sekarang. Orang lain telah mencuri RM30 bilion daripada duit kita (merujuk kepada masalah kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham negara kerana kegiatan spkeluator dan manipulator). Jadi kita perlu berbelanja mengikut kemampuan kita," kata Dr Mahathir.

Semasa ditanya sama ada beliau akan mendapatkan laporan mengenai perkara itu, beliau berkata: "kita akan mendapatkannya."

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa ditemui pemberita pada satu majlis lain sebelum itu berkata beliau akan mendapatkan penjelasan berhubung perkara itu.

Katanya beliau akan bertanyakan Menteri Besar sebelum membuat apa-apa kenyataan.

Menurut laporan berkenaan, kediaman rasmi yang dibina pada 1974 itu didiami oleh Datuk Hormat Rafie sehingga 1982 sebelum didiami oleh Datuk Ahmad Razali Mohamad Ali (1982-1986) dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib (1986 hingga April 1997).

-- BERNAMA

ES/JM RON